

23/08/2003

SRAM mahu cari lebih banyak jaguh

Haryani Ngah

MUKADIMAH

PERSATUAN Raket Skuasy Malaysia (SRAM) menyambut ulang tahun ke-30 penubuhannya pada tahun ini dan hasil kecemerlangan pemimpin-pemimpinnya SRAM berjaya melahirkan atlit bertaraf dunia. Ikuti wawancara wartawan Harian Sukan, HARYANI NGAH dengan presidennya, Datuk Mokhzani Mahathir.

S: Selepas lebih tujuh bulan menerajui SRAM, bagaimana Datuk melihat perkembangan persatuan ini?

Datuk Mokhzani: Program yang dilaksanakan oleh SRAM berjalan lancar kerana sudah lama dirancang dan ia adalah program untuk 10 tahun dan hanya perlu dilaksanakan saja. Alhamdulillah ia dapat dijalankan dengan baik kerana sokongan semua pihak khususnya Majlis Sukan Negara (MSN). Bukan itu saja sekarang kita juga dapat lihat hubungan SRAM dengan MSN berjalan dengan baik.

S: Datuk memegang jawatan Presiden SRAM ketika persatuan ini berada di puncak dengan memiliki atlit bertaraf dunia seperti Ong Beng Hee dan Nicol Ann David jadi bagaimana Datuk menangani cabaran ini?

Datuk Mokhzani: Ia satu cabaran kerana kita berjaya mencapai gelaran remaja dunia dan kita harus cuba berada di tahap lebih tinggi. Untuk itu, bakat baru harus dicari melalui program peringkat negeri. Dalam tempoh lima tahun barisan pemain pelapis dijangka dapat menonjol. Pada masa sama kita berharap Ong Beng Hee (ranking ke-9), Sharon (ke-20) dan Nicol (39) dapat memperbaiki kedudukan dalam carta ranking.

S: Bagaimana pula cara Datuk berdamping dengan atlit ?

Datuk Mokhzani: Hubungan saya dengan pemain rapat dan mereka boleh datang berbincang berhubung program, kerja, isu sekolah dan universiti. SRAM bernasib baik kerana pemegang jawatan mengikut tradisinya semua bekas pemain skuasy.

Walaupun saya sering kalah ketika bermain dengan mereka namun hubungan saya sangat rapat. Begitu juga dengan pemegang jawatan yang lain, jelas tiada rasa renggang.

S: Untuk melahirkan seorang juara adalah lebih mudah berbanding mempertahankannya. Jadi apakah usaha SRAM untuk memastikan pemain negara yang bertaraf dunia seperti Beng Hee kekal dalam kelompok 10 terbaik dunia?

Datuk Mokhzani: Kita perlu mengkaji kekuatan dan kelemahan serta membuktikan program boleh menjana pemain bertaraf antarabangsa dan untuk kekal lama perlu beraksi di arena antarabangsa.

Usaha dijalankan dengan menghantar pemain berlatih di luar negara iaitu Beng Hee dan Mohd Azlan Iskandar ke London berlatih di bawah kendalian Neil Harvey, manakala Nicol dan Sharon Wee di Amsterdam untuk menjalani latihan di bawah bimbingan Liz Irving dan bermain dengan pemain sama taraf.

Bermain dengan pemain sama taraf dan menyertai banyak kejohanan dapat meningkatkan prestasi mereka.

Saya pernah kata kepada pemain kalau mahu menjadi jaguh kena selalu bermain dan menjalani latihan dengan jaguh. Tidak hanya fizikal tetapi mental juga dapat dikuatkan. Mungkin orang Asia kurang memiliki sikap pemusnah tidak seperti pemain England apabila mereka masuk ke gelanggang mereka akan bermain secara mati-matian.

S: SRAM sudah menghantar empat pemain terbaik negara menyertai latihan di luar negara apakah lebih ramai dihantar pada masa depan?

Datuk Mokhzani: Selepas ini ada lagi pemain lelaki dan wanita yang sedang meningkat ranking mereka di hantar berlatih di luar negara. Ini satu pelaburan.

S: Kita melihat jurang antara pemain remaja dan senior terlalu jauh dan selepas kejayaan Beng Hee serta Nicol menjuarai Kejohanan Remaja Dunia, tiada lagi pemain lain dapat mengikut jejak mereka. Apakah ini merisaukan SRAM?

Datuk Mokhzani: Kalau dilihat secara sekali imbas, Nicol dan Beng Hee adalah hasil satu projek dengan semua sumber ditumpukan kepada mereka. Pemain lain ada yang berbakat tetapi kurang diberikan tumpuan.

Apa yang berlaku ke atas mereka berdua adalah satu yang aneh dan mereka berjaya menggunakannya untuk maju dan berjaya. Pemain lain bukan terpinggir tetapi tidak dapat perhatian seimbang.

Selepas kejayaan mereka (Nicol dan Beng Hee), SRAM mula dapat beri perhatian seimbang kepada pemain lain.

Sekarang semua tumpuan sudah berjaya. Alhamdulillah ada beberapa syarikat korporat sudah memberi sokongan dan skuasy dikenal pasti Majlis Sukan Negara (MSN) sebagai persatuan harus diberi sokongan kerana dapat merebut pingat di Sukan Asia dan Komanwel.

S: Pada ucapan perlantikan Datuk sebagai Presiden, Januari lalu, Datuk ada mengatakan mahu memberi tumpuan kepada usaha melahirkan lebih ramai pemain muda dan sejauh manakah usaha itu rancak dilaksanakan?

Datuk Mokhzani: Kita akan berusaha menerusi karnival remaja, pertandingan peringkat sekolah, guna imej Beng Hee dan Nicol untuk tarik minat dan nampaknya efektif.

Ini kerana dulu tidak pernah ada jaguh dan sekarang sudah ada jadi dapat menarik lebih ramai untuk bergiat dalam sukan ini dan peluang untuk menyara hidup dengan bermain skuasy juga ada.

S: Bagaimana pula kerjasama antara persatuan negeri dengan badan induk?

Datuk Mokhzani: Hubungan dengan badan induk adalah baik. SRAM sedia menolong tetapi kita mahu persatuan negeri ambil bahagian anjur program pembangunan.

SRAM juga dapat membiayai kos bagi pegawai pembangunan negeri dan kos jurulatih bagi sesetengah negeri.

S: Mungkin ada pihak beranggapan SRAM lebih mudah mendapat bantuan kerana ia dipimpin oleh anak Perdana Menteri?

Datuk Mokhzani: Pertama sekali saya harus jelaskan bahawa saya buat semua ini bukan kerana kepentingan tertentu. Sebenarnya saya aktif bermain skuasy sejak 1979 dan kegiatan saya dalam sukan ini diteruskan kerana minat.

Pembabitan di peringkat pengurusan bermula apabila diminta oleh Mendiang Datuk Alex Lee (ketika menjadi presiden). Bantuan yang dihulurkan oleh pihak luar adalah kerana minat dan kepercayaan kepada sukan skuasy negara ini. Mereka berbuat begitu bukan kerana nama saya. Tugas saya dalam SRAM tiada kaitan dengan saya sebagai anak Perdana Menteri tetapi amanah untuk menonjolkan sukan skuasy.

Dulu skuasy dilihat sebagai sukan elit tetapi sejak era 80-an hingga 90-an skuasy diperkenalkan kepada semua orang. Antara gelanggang skuasy yang popular ialah di Subang Jaya dan Kelana Jaya.

Tanggungjawab saya ialah memperkenalkan skuasy kerana ada suatu ketika minat kepada acara ini agak menurun dan ini merisaukan. Namun dengan adanya jaguh seperti Beng Hee, minat itu kembali menarik perhatian pemain muda.

Saya rasa lega skuasy masih diberi tumpuan.

S: Apakah impian Datuk mengenai haluan SRAM?

Datuk Mokhzani: Harapan saya suatu hari nanti akan ada program menjana jaguh dunia dan ia tidak mustahil. Kita juga mahu pemain faham makna

menjadi pemain profesional. Tidak guna menjadi menjadi jaguh satu
kejohanan dunia tetapi selepas itu tewas. Kita mahukan prestasi atlit yang
konsisten.